

31 MAY 1996

PENDUDUK PANTAI TANAH MERAH DIAGIHKAN PELUANG PERNIAGAAN RM30 JUTA

MELAKA, 31 Mei (Bernama) -- Penduduk-penduduk pantai Tanah Merah di Tanjung Keling, yang tanah mereka diambil alih oleh Kerajaan Negeri Melaka untuk pembinaan loji penapis Petronas, telah diberi peluang perniagaan bernilai kira-kira RM30 juta.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Zin Abdul Ghani hari ini berkata Malaysian Mining Corporation (MMC) yang menjalankan usahasama dengan sebuah syarikat Jepun telah bersetuju memberikan kontrak itu kepada penduduk terbabit.

"Sehubungan itu, saya mahukan mereka (penduduk di Tanah Merah) menubuhkan sebuah syarikat dan akan menerima beberapa projek menerusi syarikat itu," katanya kepada pemberita selepas menerima cek tabung Bosnia-Herzegovina sumbangan kariah masjid-masjid dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Udang, di sini.

Menurut Zin antara agihan projek yang telah dikenalpasti bagi penduduk terbabit ialah kerja-kerja pemasangan paip, kerja-kerja tanah dan bangunan.

Projek pembangunan itu yang akan dilaksanakan oleh MMC dan rakan kongsinya ialah untuk pembangunan fasa kedua projek loji penapis itu. --

Zin, yang tidak menyebut keseluruhan kos pembangunan fasa itu, bagaimanapun berkata projek itu akan dilaksanakan seberapa segera.

Baru-baru ini, Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Badan Bertindak Penduduk Pantai Tanah Merah, Ibrahim Dalip telah menghantar satu memorandum menerusi Ketua Pemuda Umno Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik.

Ibrahim mendakwa penduduk terbabit tidak berpuas hati kerana janji-janji yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Melaka sebelum mereka berpindah belum dilaksanakan sehingga sekarang.

Beliau, bagi pihak 59 pemilik tanah terbabit, meminta kerajaan negeri menunaikan janji untuk menyediakan peluang perniagaan dan pekerjaan di bawah projek berkenaan.

Mengenai Tabung Pemulihan Rakyat Bosnia Herzegovina yang dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed sewaktu lawatannya ke Melaka awal bulan ini, Zin berkata ia hampir mencapai matlamat sebanyak RM1 juta.

Menurut Zin lebih RM700,00 telah dikutip setakat ini, tidak termasuk kutipan dari seluruh masjid lain di Melaka yang bertujuan membaiki beberapa rumah ibadat di negara Balkan itu. -- BERNAMA

NO NAK